

***QUALIFICATIONS AND ADMISSION OF SYARIE LAWYERS IN MALAYSIA:
A COMPARATIVE ANALYSIS IN SELECTED STATES***

***KELAYAKAN DAN PENERIMAAN MASUK PEGUAM SYARIE DI MALAYSIA: ANALISIS
PERBANDINGAN DI NEGERI-NEGERI TERPILIH***

ⁱMuhammad Syahid Yusup, ⁱMuhammad Danial Mohd Arif, ⁱMuaz Ahmad Mustafa,
ⁱMuhammad Harith Hakimi Zaharan, ⁱMahfuzah Abdul Shukor, ⁱⁱNisar Mohammad Ahmad

ⁱPelajar Diploma Lepasam Ijazah-Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP),
Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

ⁱⁱProfesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*(Corresponding author) e-mail: nisar@usim.edu.my

ABSTRACT

The qualifications of Syarie lawyers play an important role in ensuring the implementation of justice and compliance with Sharia law in Syariah Courts. However, there are significant differences in the administration and regulations related to the qualifications and appointment of Syarie lawyers between states in Malaysia. This study aims to analyze the qualifications of Syarie lawyers in several selected states, identify the challenges that arise from these inconsistencies, and propose solutions to improve the Syarie lawyer administration system. This study uses a qualitative approach by collecting data through library research and interviewing stakeholders, such as Syarie lawyers and academics. The main data sources include books, journals, articles, Arabic books, and relevant state legal provisions. The study's findings indicate that the qualifications, appointment procedures, and disciplinary actions against Syarie lawyers vary between states. This inconsistency not only creates confusion among prospective Syarie lawyers but also makes it difficult to coordinate efforts at the national level. In addition, this inconsistency affects the efficiency of the Syariah legal system, especially in ensuring high standards of professionalism and integrity among Syarie lawyers. This study proposes the drafting of a standardized rules relating to the qualifications and administration of Syarie lawyers in Malaysia. This rule should cover academic qualifications, appointment procedures, disciplinary control, and establishment of a regulatory body that coordinates all matters related to Syarie lawyers. This step is expected to increase the efficiency of the administration of Syariah law and strengthen the credibility of Syariah institutions in Malaysia.

Keywords: Administration of Islamic Law, Islamic Principles, Standardization, Syariah Lawyer Qualifications, Standardized rules.

ABSTRAK

Kelayakan peguam Syarie memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan keadilan dan keselarasan dengan hukum Syarak di Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara dalam pentadbiran dan peraturan yang berkaitan dengan kelayakan dan pelantikan peguam Syarie antara negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis syarat kelayakan peguam Syarie di beberapa negeri terpilih, mengenal pasti cabaran yang wujud akibat ketidakseragaman tersebut, serta mencadangkan penyelesaian untuk menambah baik sistem pentadbiran peguam Syarie secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan temu bual bersama pihak berkepentingan, seperti peguam Syarie dan ahli akademik. Sumber data utama termasuk buku, jurnal, artikel, kitab Arab, dan peruntukan undang-undang negeri-negeri yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa syarat kelayakan, prosedur pelantikan, serta tindakan tatatertib terhadap peguam Syarie berbeza-beza antara negeri. Ketidakseragaman ini bukan sahaja mencetuskan kekeliruan dalam kalangan calon peguam Syarie, malah menyukarkan usaha penyelarasan di peringkat nasional. Di samping itu, ketidakselarasan ini memberi kesan kepada kecekapan sistem perundangan Syariah, khususnya dalam memastikan standard profesionalisme dan integriti yang tinggi dalam kalangan peguam Syarie. Kajian ini mencadangkan suatu peraturan atau garis panduan yang seragam berkaitan kelayakan dan pentadbiran peguam Syarie di Malaysia. Peraturan ini perlu merangkumi aspek kelayakan akademik, prosedur pelantikan, kawalan tatatertib, serta penubuhan badan pengawalseliaan yang menyelaraskan semua perkara berkaitan peguam Syarie. Langkah ini diharap dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran undang-undang Syariah serta memperkukuh kredibiliti institusi Syariah di Malaysia.

Kata kunci: *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Kelayakan Peguam Syarie, Penyeragaman, Perundangan Syariah, Prinsip Islam, Peraturan seragam.*

Pengenalan

Peguam Syarie memainkan peranan yang signifikan dalam sistem perundangan Syariah di Malaysia. Peranan mereka tidak hanya terbatas kepada mewakili pihak-pihak dalam kes di Mahkamah Syariah tetapi juga memastikan keadilan dilaksanakan selaras dengan prinsip hukum Syarak. Dalam konteks ini, kelayakan dan penerimaan masuk peguam Syarie menjadi aspek penting yang perlu diberi perhatian kerana ia menentukan standard profesionalisme, integriti, dan kecekapan dalam kalangan pengamal perundangan Syariah.

Sistem perundangan Syariah di Malaysia bersifat desentralisasi, di mana setiap negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan pentadbiran agama Islam, termasuk peraturan mengenai kelayakan peguam Syarie. Antara peruntukan undang-undang yang menjadi rujukan utama dalam isu ini ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri-negeri), Kaedah-Kaedah Peguam Syarie, dan Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, di Selangor, kelayakan dan pelantikan peguam Syarie diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008. Manakala di Wilayah-Wilayah Persekutuan, perkara ini ditadbir melalui Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Walaupun terdapat persamaan dalam asas perundangan, terdapat juga perbezaan yang ketara dari segi syarat kelayakan akademik, pengalaman, dan prosedur pelantikan.

Selain itu, beberapa negeri turut menetapkan syarat tambahan seperti ujian kelayakan atau keperluan untuk menghadiri kursus tertentu sebelum seseorang diterima sebagai peguam Syarie. Sebagai contoh, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mensyaratkan peguam Syarie untuk menghadiri kursus pengenalan perundangan Syariah sebelum diterima masuk. Ketidaksamaan dalam peraturan ini telah menimbulkan pelbagai cabaran, termasuk kekeliruan dalam kalangan calon peguam Syarie dan ketidakseimbangan dalam standard pengamal undang-undang Syariah. Oleh itu, penelitian terhadap isu ini adalah amat penting untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan dan mencadangkan langkah penyelarasan di peringkat nasional bagi meningkatkan keberkesanan sistem perundangan Syariah di Malaysia.

Punca Kuasa Prosedur Kemasukan Peguam Syarie Di Malaysia Secara Umum

Secara amnya sistem pentadbiran dan perundangan di Malaysia telah menetapkan bahawa negeri-negeri mempunyai bidang kuasa untuk mentadbir hal-hal berkaitan agama Islam termasuklah penerimaan masuk peguam Syarie di bawah Senarai II Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut telah secara langsung menyebabkan timbul isu berlaku ketidakseragaman di mana setiap perkara berkaitan pentadbiran dan prosedur kemasukan peguam Syarie adalah terikat dan bergantung kepada penetapan di bawah undang-undang yang berkaitan di setiap negeri (Mohamad Dahalan, *et. al.*, 2019).

Isu ketidakseragaman tersebut telah menimbulkan kekeliruan dan menimbulkan kesukaran kepada pengamal undang-undang Syariah. Oleh itu, keperluan untuk menetapkan satu pentadbiran yang lebih sistematik dan teratur telah dilakukan dari masa ke semasa ke atas undang-undang berkaitan tadbir urus peguam Syarie untuk mengatasi permasalahan ketidakseragaman tersebut. Namun begitu, isu ketidakseragaman tersebut sukar untuk diatasi sepenuhnya apabila undang-undang tersebut dikawal selia di bawah bidang kuasa agama Islam di setiap negeri (Mohamad Dahalan, *et. al.*, 2019).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri telah memperuntukkan Majlis mempunyai kuasa untuk membuat Kaedah-kaedah Peguam Syarie bagi negeri masing-masing. Oleh itu, setiap negeri telah menggubal Kaedah-Kaedah Peguam Syarie masing-masing bagi mentadbir urus hal-hal berkaitan peguam Syarie. Jadual 1 di bawah menyenaraikan punca kuasa yang terpakai di negeri-negeri di Malaysia bagi tujuan pentadbiran hal ehwal berkaitan peguam syarie termasuk berkaitan kelayakan dan proses penerimaan masuk.

Negeri	Kaedah/Peraturan/Akta
Johor	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor), 2015.
Kedah	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman), 2016.
Kelantan	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Kelantan), 2000.
Melaka	Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka, 2022.
N. Sembilan	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan), 2012.
Pahang	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pahang), 1995.
Perak	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak), 2003.
Perlis	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perlis), 1995.
P. Pinang	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang), 1997.
Sabah	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah), 2021.
Sarawak	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Sarawak), 1992.
Selangor	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Selangor), 2008.
Terengganu	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu), 2015.
Wilayah Persekutuan	Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah Persekutuan) 2019.

Jadual 1. Senarai Akta/Kaedah/Peraturan Peguam Syarie Mengikut Negeri

Namun begitu, peruntukan yang ada ini juga turut dipinda dari semasa ke semasa. Sebelum ini, negeri Sabah tidak memiliki undang-undang kecil yang mengkhususkan untuk perkara-perkara peguam Syarie sehinggalah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021 diperuntukkan untuk mentadbir hal-hal berkaitan Peguam Syarie di negeri tersebut (Hassan & Hashim, 2017). Syarat-syarat kelayakan di

negeri Sabah kebanyakannya serupa dengan syarat-syarat kelayakan di negeri lain, kecuali terdapat syarat khusus bahawa peguam Syarie di negeri Sabah perlu mempunyai hubungan dengan negeri Sabah.

Perbezaan Syarat Kelayakan Penerimaan Masuk Peguam Syarie

Dalam menganalisis perbezaan syarat kelayakan penerimaan masuk peguam syarie ini. Sistem pentadbiran undang-undang Syariah di Malaysia memperlihatkan perbezaan ketara dari segi syarat kelayakan penerimaan masuk Peguam Syarie. Perbezaan ini berpunca daripada struktur perundangan yang memberikan kuasa kepada negeri-negeri untuk mentadbir hal-hal berkaitan agama Islam, sebagaimana diperuntukkan di bawah Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kuasa ini membolehkan setiap negeri menggubal peraturan dan kaedah masing-masing untuk mentadbir proses penerimaan masuk peguam Syarie, yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam syarat kelayakan dan prosedur pelantikan antara negeri-negeri di Malaysia.

Perbezaan Dalam Syarat Kelayakan Akademik

Syarat kelayakan akademik untuk menjadi peguam Syarie berbeza antara negeri. Sebagai contoh:

Wilayah Persekutuan - Mengikut Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah Persekutuan) 2019, calon perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang atau Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf. Calon juga perlu menduduki dan lulus Kursus Guaman Syarie yang ditetapkan.

Selangor - Berdasarkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Selangor) 2008, calon perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang atau gabungan kelayakan dalam kedua-dua bidang.

Sabah - Di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Sabah) 2021, syarat kelayakan turut menuntut calon mempunyai hubungan dengan negeri Sabah, sama ada melalui kelahiran, tempat tinggal, atau kepentingan lain yang diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Perbezaan Dari Segi Keperluan Pengalaman

Selain kelayakan akademik, beberapa negeri turut menetapkan syarat pengalaman sebagai prasyarat penerimaan masuk antaranya:

Pahang - Menghendaki calon memiliki pengalaman kerja dalam bidang undang-undang selama sekurang-kurangnya dua tahun sebelum memohon untuk menjadi peguam Syarie.

Melaka - Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka, 2022, tiada keperluan pengalaman minimum, namun calon perlu lulus temuduga kelayakan.

Ujian Kelayakan dan Kursus Tambahan

Sebahagian negeri mensyaratkan calon untuk lulus ujian kelayakan atau menghadiri kursus tambahan sebagai sebahagian daripada proses penerimaan masuk seperti:

Wilayah Persekutuan - Kursus Guaman Syarie wajib dihadiri dan diluluskan oleh calon.

Kelantan - Calon dikehendaki lulus temuduga dan ujian penilaian yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Implikasi Perbezaan Syarat Kelayakan

Perbezaan syarat kelayakan ini telah menimbulkan beberapa isu, termasuk:

Kekeliruan dalam Kalangan Calon - Calon yang ingin memohon sebagai peguam Syarie di lebih daripada satu negeri perlu memenuhi syarat yang berbeza yang menimbulkan cabaran dari segi persediaan dan pemenuhan keperluan tersebut.

Ketidakseimbangan Standard - Ketidakseimbangan dalam syarat kelayakan menimbulkan persoalan mengenai standard profesionalisme dan kompetensi dalam kalangan peguam Syarie di Malaysia.

Kesukaran dalam Penyelarasan Nasional - Kuasa negeri dalam menetapkan syarat penerimaan masuk menyukarkan usaha untuk menyelaraskan pentadbiran dan peraturan berkaitan peguam Syarie di peringkat nasional.

Perbezaan syarat kelayakan penerimaan masuk peguam syarie mencerminkan autonomi negeri dalam mentadbir urusan agama Islam, namun ia turut mencetuskan pelbagai cabaran. Penyelarasan undang-undang dan pentadbiran pada masa hadapan adalah penting untuk memastikan keseragaman dalam standard dan kecekapan peguam Syarie di seluruh Malaysia.

Kesan Ketidakeragaman Syarat Penerimaan Masuk Peguam Syarie Di Malaysia

Sistem kehakiman syariah di Malaysia merupakan salah satu komponen penting dalam pentadbiran undang-undang Islam yang mana ianya berfungsi di bawah bidang kuasa negeri, seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Setiap negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran mahkamah syariah termasuk syarat penerimaan masuk peguam syarie. Walaupun ini selaras dengan prinsip federalism dan berada di bawah kuasa negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, ketidaksamaan ini memberikan pelbagai kesan yang mempengaruhi sistem kehakiman, pengamal undang-undang, serta masyarakat awam. Begitu juga dengan ketidakeragaman dalam syarat-syarat penerimaan masuk peguam syarie di setiap negeri telah mencetuskan pelbagai implikasi terhadap keadilan, profesionalisme, dan sistem perundangan syariah itu sendiri.

Autonomi Negeri dan Kesan Ketidakeragaman dalam Piawaian Kompetensi

Malaysia merupakan sebuah negara federal yang memberikan kuasa kepada negeri untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang syariah melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Ini termasuk menetapkan syarat-syarat penerimaan masuk peguam syarie. Walau bagaimanapun, autonomi ini telah menyebabkan perbezaan yang ketara antara negeri dalam keperluan kelayakan, proses permohonan, dan peperiksaan yang perlu dilalui calon peguam syarie. Sebagai contoh, negeri seperti Selangor memerlukan calon lulus ujian khas serta memiliki ijazah dalam bidang undang-undang syariah dan sivil, sementara negeri lain seperti Kelantan lebih menekankan kelayakan dalam undang-undang syariah sahaja. Ketidaksamaan ini menjadi penghalang kepada pembentukan satu sistem yang seragam dan efisien.

Selain itu, ketidakeragaman ini juga menimbulkan cabaran besar dalam memastikan piawaian kompetensi peguam syarie di seluruh Malaysia adalah seragam. Setiap negeri menetapkan syarat-syarat yang berbeza, termasuk keperluan kelayakan akademik, pengalaman profesional, dan keperluan lulus peperiksaan khas (Ibrahim & Yusoff, 2020). Sebagai contoh, ada negeri yang hanya memerlukan pemohon memiliki ijazah dalam undang-undang syariah, manakala negeri lain memerlukan ijazah undang-undang sivil selain kelayakan syariah. Perbezaan ini menyebabkan variasi dalam tahap kompetensi dan persediaan peguam syarie di seluruh negara. Akibatnya, terdapat risiko bahawa peguam syarie di negeri tertentu mungkin kurang bersedia untuk mengendalikan kes yang kompleks.

Kesan Ketidakeragaman Syarat Penerimaan Masuk

Ketidakselarasan Kompetensi Peguam Syarie

Ketidakeragaman syarat penerimaan masuk peguam syarie membawa kepada variasi tahap kompetensi antara negeri. Negeri-negeri yang menetapkan syarat yang lebih ketat cenderung menghasilkan peguam syarie yang lebih terlatih dan profesional. Sebaliknya, negeri dengan syarat yang lebih longgar mungkin melahirkan peguam yang kurang kompeten untuk mengendalikan kes-kes yang kompleks. Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan yang dapat diberikan kepada anak guaman, khususnya apabila kualiti perkhidmatan guaman berbeza di antara negeri. Perbezaan ini berpotensi menjejaskan kredibiliti sistem kehakiman syariah pada peringkat nasional (Yusoff & Rahman, 2021).

Sekatan Mobiliti Peguam Syarie

Ketidakeragaman ini turut membataskan dan menyukarkan peguam syarie untuk beramal dalam lebih daripada satu negeri di seluruh Malaysia. Setiap negeri memerlukan peguam syarie dengan memenuhi syarat spesifik sebelum diterima masuk. Peguam yang ingin beramal di negeri lain perlu memenuhi

syarat tambahan, seperti menduduki peperiksaan khas atau membayar yuran permohonan yang tinggi. Contohnya, seorang peguam syarie yang berdaftar di Selangor mungkin perlu menduduki peperiksaan tambahan untuk diterima di Kelantan. Antara lain juga, seorang peguam yang sudah berdaftar di Johor perlu memenuhi keperluan tambahan untuk diterima masuk di negeri seperti Sabah atau Perlis (Yusoff & Rahman, 2021).

Ketidakeragaman dalam proses dan sekatan mahupun halangan ini bukan sahaja membebankan peguam dari segi memakan masa dan melibatkan kos tambahan yang boleh menyulitkan peguam yang ingin beramal di pelbagai negeri. Mobiliti yang terhad ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengamal undang-undang, tetapi juga kepada masyarakat yang memerlukan perkhidmatan mereka malahan juga menghalang mereka daripada menyediakan khidmat guaman kepada masyarakat yang memerlukan, terutamanya di negeri yang mengalami kekurangan peguam syarie.

Kos Tambahan kepada Peguam

Selain sekatan mobiliti, ketidakseragaman ini meningkatkan kos dan beban masa kepada peguam Syarie. Peguam Syarie sememangnya turut menanggung kos dan menyediakan sumber tambahan apabila mereka perlu memohon untuk memenuhi keperluan negeri tertentu dan kehendak bagi diterima masuk di negeri lain. Kos ini termasuk yuran peperiksaan, kos perjalanan, dan kos berkaitan lain untuk menghadiri sesi temuduga atau peperiksaan yang dikawal selia oleh pentadbiran agama negeri masing-masing. Beban ini lebih dirasakan oleh peguam baru yang sedang membina kerjaya mereka. Dalam jangka panjang, hal ini boleh menghadkan bilangan peguam Syarie yang sanggup memohon untuk beramal di beberapa negeri, sekaligus mengecilkan jumlah peguam yang tersedia untuk masyarakat. Keadaan ini dilihat sangat memberikan tekanan ekonomi kepada para peguam, terutamanya peguam muda yang baru memulakan kerjaya yang diceburi dan diminati sejak dibangku alam pelajaran lagi demi mencapai cita-cita yang diinginkan. Hal ini boleh menyukarkan mereka untuk mengembangkan amalan guaman ke negeri-negeri lain, sekali gus menghadkan akses masyarakat kepada perkhidmatan guaman yang berkualiti.

Ketidaksamarataan Peluang Kerjaya

Ketidakeragaman syarat ini juga mewujudkan ketidak-samarataan dalam peluang kerjaya bagi peguam syarie. Di negeri-negeri yang mensyaratkan kelayakan tinggi dalam akademik dan latihan tambahan, hanya peguam tertentu sahaja yang memiliki latar belakang pendidikan dan sumber mencukupi yang dapat memenuhi kriteria tersebut. Sebaliknya, negeri dengan syarat yang lebih longgar lebih mudah diterima tanpa keperluan akademik atau latihan tambahan dan mungkin menawarkan peluang kepada lebih ramai peguam, tetapi pada masa yang sama berpotensi mengorbankan kualiti. Keadaan ini boleh mencetuskan ketidakadilan dalam sistem, di mana peluang kerjaya tidak diagihkan secara sama rata berdasarkan merit (Rahman, 2018).

Impak kepada Anak Guaman

Ketidakeragaman ini turut memberi kesan langsung kepada anak guaman (klien) yang memerlukan khidmat peguam syarie. Kualiti perkhidmatan guaman yang diterima oleh klien boleh berbeza-beza bergantung kepada negeri di mana tempat kes mereka dibicarakan. Klien di negeri yang mensyaratkan kelayakan tinggi bagi peguam syarie mungkin mendapat khidmat yang lebih berkualiti, manakala di negeri lain dengan syarat kemasukan yang longgar, terdapat risiko bahawa peguam mungkin kurang mahir dan kecakapan peguam mungkin tidak setara dalam aspek procedural dan tatacara termasuk etika dalam pengamalan negeri-negeri ini, yang boleh menjejaskan proses keadilan (Rahman, 2018). Sesungguhnya ini mencerminkan ketidak-samarataan dalam sistem perundangan syariah yang sepatutnya berfungsi secara adil dan professional dan boleh menimbulkan isu keadilan, kerana keadilan seharusnya menjadi hak yang sama rata tanpa mengira lokasi.

Cabaran kepada Usaha Harmonisasi Sistem Kehakiman Syariah

Ketidakeragaman ini juga menjadi halangan kepada usaha harmonisasi undang-undang syariah di Malaysia untuk menyelaraskan sistem kehakiman syariah di Malaysia dengan adanya perbezaan di negeri-negeri yang mempunyai kriteria yang berbeza, ianya membawa aspek yang lebih sukar untuk menyelaraskan sistem perundangan syariah pada peringkat nasional dalam era Islam Hadari sebagai

memangkin kepada kesyumulan yang penuh madani. Sistem kehakiman yang seragam dan cekap memerlukan standard yang konsisten untuk peguam syarie, tetapi ketidaksamaan ini menjejaskan keberkesanan sistem kehakiman syariah dalam menangani isu-isu kontemporari yang memerlukan penyelesaian kolektif antara negeri yang jelas dilihat telah menghalang pencapaian matlamat ini. Sebagai contoh, isu seperti poligami atau perceraian yang sering dibawa ke mahkamah syariah memerlukan interpretasi undang-undang yang seragam untuk memastikan keadilan yang sejagat tanpa menidakkan asas kefarduan hukum hakam selari dengan perundangan yang menjunjung prinsip Islam dalam segenap aspek norma kehidupan manusia sejagat.

Langkah Penambahbaikan dari Kesan Ketidakseragaman

Penggubalan Piawaian Nasional

Bagi menangani dan mendepani kesan-kesan ini, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menyelaraskan syarat penerimaan masuk peguam syarie di seluruh Malaysia. Pertama, penggubalan piawaian nasional untuk syarat penerimaan kemasukan peguam syarie boleh memastikan kompetensi seragam di seluruh Malaysia. Piawaian ini boleh merangkumi kelayakan minimum, keperluan pengalaman, dan keperluan peperiksaan yang seragam. Dengan cara ini, tahap kompetensi peguam syarie di seluruh negara dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, mewujudkan satu badan kawal selia seperti Majlis Peguam Syarie Malaysia boleh membantu dalam menyelaraskan keperluan kemasukan. Kedua, kerjasama antara negeri melalui Majlis Raja-Raja boleh memperkenalkan sistem pendaftaran tunggal yang membolehkan peguam beramal di semua negeri tanpa perlu memohon semula. Langkah-langkah ini dapat meningkatkan efisiensi dan keberkesanan sistem kehakiman syariah (Yusoff & Rahman, 2021).

Penubuhan Majlis Peguam Syarie Malaysia

Penubuhan sebuah badan nasional seperti Majlis Peguam Syarie Malaysia boleh membantu menyelaraskan keperluan kemasukan dan menyediakan lesen tunggal yang membolehkan peguam syarie beramal di seluruh negara. Ini juga dapat memudahkan pemantauan dan penilaian terhadap peguam syarie untuk memastikan mereka mematuhi standard profesionalisme yang tinggi.

Kerjasama Antara Negeri

Kerjasama antara negeri melalui Majlis Raja-Raja boleh memudahkan proses harmonisasi. Negeri-negeri boleh bersetuju untuk menerima pakai satu sistem yang seragam, sambil mengekalkan autonomi masing-masing dalam aspek-aspek lain pentadbiran agama Islam (Rahman, 2018).

Penggunaan Teknologi

Penggunaan teknologi seperti platform dalam talian untuk pendaftaran dan peperiksaan peguam syarie dapat mengurangkan kos dan beban masa. Sistem ini juga boleh mempermudah proses pemindahan lesen antara negeri (Rahman, 2018). Namun begitu, ketidakseragaman syarat penerimaan kemasukan peguam Syarie di Malaysia ini membawa dan memberikan pelbagai dampak yang menjejaskan terhadap sistem kehakiman syariah, mobiliti peguam, kualiti perkhidmatan guaman dan keadilan kepada masyarakat. Walaupun ketidaksamaan ini mencerminkan autonomi negeri dalam urusan agama Islam dan hal ehwal syariah, ia juga menimbulkan cabaran kepada harmonisasi sistem undang-undang syariah pada peringkat nasional. Isu ini memerlukan penyelesaian segera untuk memastikan sistem kehakiman syariah dapat berfungsi dengan lebih efisien dan adil.

Dengan memperkenalkan piawaian nasional, membentuk Majlis Peguam Syarie Malaysia, dan meningkatkan kerjasama antara negeri, masalah ini dapat diatasi. Melalui usaha menyelaraskan syarat dan mewujudkan sistem yang lebih seragam, adalah diharapkan bahawa sistem kehakiman syariah dapat berfungsi dengan lebih efektif dan adil kepada semua pihak. Penyelarasan syarat ini bukan sahaja akan meningkatkan kualiti dan kredibiliti sistem kehakiman syariah, tetapi juga memastikan keadilan dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia tanpa diskriminasi.

Cabaran-Cabaran Ketidaksagaman Syarat Kelayakan Penerimaan Masuk Peguam Syarie

Salah satu cabaran utama dalam penerimaan masuk peguam syarie di Malaysia ialah ketidakselarasan perundangan antara negeri-negeri yang berbeza. Setiap negeri mempunyai peraturan dan prosedur tersendiri yang mengatur syarat kemasukan peguam Syarie. Sebagai contoh, sesetengah negeri seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hanya menerima graduan yang mempunyai kelulusan ijazah dalam bidang Syariah, sementara negeri lain seperti Selangor membenarkan graduan dalam bidang undang-undang yang telah melengkapkan sijil tambahan dalam bidang Syariah.

Ketidaksagaman ini memberi kesan negatif kepada calon peguam syarie, kerana mereka yang berkelayakan di satu negeri mungkin tidak diterima di negeri lain disebabkan perbezaan pengiktirafan kelayakan akademik. Situasi ini amat membebankan calon yang ingin memperluaskan peluang kerjaya mereka di pelbagai negeri, terutama apabila kelayakan yang diperoleh tidak diterima atau diiktiraf di negeri-negeri tertentu. Hal ini bukan sahaja menghalang calon dari meluaskan kerjaya mereka, tetapi juga mengurangkan mobiliti mereka dalam profesion ini, walaupun mereka layak secara akademik dan profesional (Yahya et. al., 2024).

Selain ketidakselarasan perundangan, peguam Syarie juga sering berdepan dengan kekangan mobiliti antara negeri disebabkan oleh perbezaan syarat kelayakan di setiap negeri. Sebagai contoh, jika seorang peguam Syarie ingin berpindah dari satu negeri ke negeri lain untuk beramal, mereka mungkin perlu memenuhi syarat tambahan yang berbeza daripada negeri asal mereka. Keadaan ini jelas bertentangan dengan semangat integrasi nasional dan boleh mengehadkan peluang peguam syarie untuk menawarkan perkhidmatan mereka di negeri-negeri lain. Walaupun peguam Syarie tersebut layak dari segi akademik dan profesional di negeri asal mereka, syarat yang ketat di negeri lain boleh menyebabkan mereka tidak dapat beramal atau dipaksa untuk mengikuti proses pendaftaran yang berbeza, yang kadangkala memerlukan masa dan kos yang tinggi. Kekangan ini mengurangkan peluang mereka untuk berkembang dalam kerjaya dan turut memberi kesan terhadap kelancaran dan kecekapan sistem perundangan Syariah di Malaysia, kerana ia menyebabkan peguam syarie tidak dapat mengakses pelbagai pasaran dan kawasan perkhidmatan di seluruh negara (Yahya et al., 2024).

Di samping itu, masalah ketidaksagaman syarat kelayakan asbab ketiadaan badan kawal selia tunggal yang bertanggungjawab menjadi isu dalam menyelaraskan syarat kemasukan dan pendaftaran peguam syarie di seluruh negara. Berbeza dengan profesyen peguam bela dan peguam cara yang berada di bawah pengawasan Akta Profesion Undang-Undang 1976, peguam syarie tidak mempunyai satu badan yang terpusat untuk mengawasi dan menyelaraskan kelayakan serta proses pendaftaran mereka. Keadaan ini menyebabkan kesukaran bagi calon peguam syarie yang ingin mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat mengenai syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk beramal di pelbagai negeri. Tanpa badan kawal selia yang berfungsi untuk menyelaraskan prosedur dan syarat kelayakan ini, calon peguam syarie sering kali mengalami kekeliruan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk berdaftar dan memulakan kerjaya mereka di negeri yang berbeza. Selain itu, ketiadaan badan kawal selia juga menyebabkan wujudnya standard yang tidak seragam dari segi kualiti latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh peguam syarie, yang seterusnya memberi impak terhadap integriti dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan Syariah.

Akhir sekali, ketidakseimbangan kualiti dan standard latihan peguam Syarie juga menjadi suatu cabaran dalam perihal subjek ini. Ketidaksamaan syarat kelayakan antara negeri-negeri ini turut memberi kesan terhadap kualiti latihan yang diterima oleh peguam Syarie di Malaysia. Negeri yang menetapkan syarat kemasukan yang lebih longgar berpotensi melahirkan peguam Syarie dengan tahap kemahiran dan pengetahuan yang berbeza-beza, berbanding dengan negeri yang mempunyai syarat ketat dan latihan yang lebih terperinci. Perbezaan ini boleh menjejaskan persepsi masyarakat terhadap profesionalisme peguam Syarie, kerana masyarakat mungkin merasakan bahawa kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh peguam syarie tidak konsisten. Ketidakseimbangan kualiti ini turut memberi impak kepada kepercayaan masyarakat terhadap sistem kehakiman Syariah secara keseluruhan, kerana kecekapan peguam Syarie adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi integriti dan keberkesanan sistem perundangan. Jika standard latihan dan kelayakan tidak diseragamkan, ini bukan sahaja merugikan peguam Syarie tetapi juga menjejaskan kelancaran sistem keadilan Syariah, yang sepatutnya memberikan keadilan dan penyelesaian yang tepat dan adil kepada semua pihak.

Cadangan Penambahbaikan Bagi Isu Ketidakteraturan Syarat Kelayakkan Penerimaan Masuk Peguam Syarie Di Malaysia

Antara cadangan dan penambahbaikan yang difikirkan wajar untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi dalam penerimaan kemasukan peguam Syarie ini adalah yang pertama, mewujudkan satu badan profesional yang menguruskan pentadbiran peguam Syarie. Jika dirujuk kepada Peguambela dan Peguamcara (Sivil) di Malaysia, mereka dikawal oleh satu badan yang dikenali sebagai Malaysia Bar atau “Bar Council” yang diberikan kuasa tersebut di bawah peruntukan Seksyen 41(1) Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166). Sementara itu, peguam Syarie hanya tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Peguam Syarie yang mana ianya berbeza di setiap negeri dan mengakibatkan tiada satu badan rasmi yang menyeragamkan dan mengawal peruntukan setiap negeri tersebut. Tambahan pula, tidak terdapat catatan atau penulisan yang komprehensif mengenai sejarah wujudnya amalan guaman Syarie (Hasan & Hashim, 2017). Merujuk kepada kes *Ramah v Laton* jelas membuktikan bahawa undang-undang Syariah telah diiktiraf sebagai ‘*law of the land*’ namun sehingga kini masih terdapat banyak kelompongan dalam sistem perundangan Syariah.

Jika dilihat sistem perundangan di luar negara seperti di Arab Saudi, peguam di dalam bidang muamalat dan Syariah di negara tersebut dikawal oleh Saudi Bar Association, di mana mereka mengariskan satu objektif terhadap penubuhan badan tersebut. Justeru itu, penubuhan satu badan profesional adalah amat penting bagi meletakkan Peguam Syarie sebagai satu entiti yang profesional dan meningkatkan standard profesion ini. Cadangan yang seterusnya adalah menyeragamkan tempoh Latihan Dalam Kamar atau “*Chambering*”. Secara amnya, dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166) memperuntukkan bahawa seseorang yang berkelayakan untuk diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara hendaklah menjalani tempoh latihan selama (9) bulan dengan seseorang Peguambela dan Peguamcara yang menjalankan dan telah menjalankan amalan secara aktif bagi jumlah tidak kurang daripada tujuh (7) tahun sebelum sahaja tarikh latihannya bermula.

Namun begitu, bagi institusi Syariah penetapan tempoh Latihan Dalam Kamar adalah berbeza-beza mengikut negeri. Terdapat negeri yang memperuntukkan tempoh Latihan Dalam Kamar selama enam (6) bulan dan terdapat juga negeri yang memperuntukkan tempoh Latihan Dalam Kamar selama tiga (3) bulan. Perbezaan ini sewajarnya diberi perhatian kerana ketidakseragaman ini menyebabkan kualiti dan mutu Pelatih Dalam Kamar tersebut adalah berbeza. Hal yang demikian kerana tempoh enam bulan tersebut dilihat seperti tempoh latihan industri yang ditetapkan oleh pihak Universiti sedangkan Latihan Dalam Kamar sewajarnya dikawal oleh satu badan profesional sepertimana yang dipraktikkan dalam perundangan sivil. Bahkan tempoh enam adalah tidak mencukupi kerana seharusnya Pelatih Dalam Kamar diselia melalui tiga fasa iaitu fasa memahami prosedur dan tatacara, fasa penyediaan pliding yang tepat dan fasa mempelajari pengendalian perbicaraan dan intipati perundangan. Justeru, tempoh Latihan Dalam Kamar ini seharusnya diselarasakan bagi memastikan Pelatih Dalam Kamar tersebut menguasai setiap elemen perundangan Syariah sebelum ditauliahkan sebagai peguam Syarie.

Seterusnya, bertitik-tolak dengan isu Latihan Dalam Kamar, jika dilihat dalam perundangan sivil, terdapat proses yang dipanggil “short call” dan Pelatih Dalam Kamar tersebut perlu menghadiri kursus etika, pro-bono serta diberikan peluang untuk mengendalikan kes selain daripada hadir untuk sebutan di Mahkamah. Namun, bagi Pelatih Dalam Kamar dalam bidang Syariah, masih tiada sebarang prosedur atau peraturan khusus yang mengawal selia latihan mereka. Antara langkah yang efisien yang perlu diambil adalah dengan menetapkan satu prosedur atau peraturan bagi Pelatih Dalam Kamar seperti memberi peluang kepada Pelatih Dalam Kamar dalam bidang Syariah untuk mewakili penyelia atau “master” mereka dalam sesi Sebutan Kes di mahkamah sebagai langkah pendedahan awal sebelum ditauliahkan sebagai peguam Syarie secara rasmi. Hal yang demikian dapat meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, meningkatkan kebolehan Pelatih Dalam Kamar untuk mengawal tekanan yang terdapat di sekeliling serta meningkatkan pemahaman mereka terhadap tatacara dan prosedur semasa menjalankan prosiding di Mahkamah.

Cadangan yang seterusnya ialah, menyeragamkan kelayakan akademik sebelum diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Keperluan kepada satu SOP (*Standard Operating Procedure*) dalam melantik peguam Syarie adalah amat penting dan perlu dititikberatkan. Jika dilihat dengan lebih mendalam,

perbezaan kelayakan akademik menjadi satu jurang antara peguam-peguam Syarie. Hal yang demikian kerana nilai kefahaman dan kecekapan peguam tersebut mungkin berbeza dengan pengalaman yang dimiliki. Justeru setiap negeri sewajarnya menyelaraskan kelayakkan akademik bagi setiap calon dimana setiap calon perlu mempunyai Diploma Lanjutan dalam bidang guaman Syarie.

Tujuan utama penyelarasan ini adalah bagi meningkatkan nilai kemahiran secara teori dan praktikal kepada setiap calon sebelum menghadapi alam pekerjaan yang sebenar. Walaupun pendedahan awal telah diberikan semasa tahap Ijazah Sarjana Muda, namun pembelajaran tersebut dilihat tidak begitu efektif kerana pelajar tidak didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar. Natijahnya, penyelarasan kelayakkan akademik bagi setiap calon adalah amat penting bagi memastikan tingkat kefahaman dan kemahiran setiap calon adalah setaraf bagi mengelakkan isu-isu yang tidak diinginkan berlaku.

Seterusnya, langkah yang boleh diambil adalah menyelaraskan sistem lulus peperiksaan serta temuduga dan pengendorsan tauliah peguam Syarie. Hal yang demikian kerana struktur soalan peperiksaan yang berbeza-beza di setiap negeri menyebabkan tingkat kemahiran dan kefahaman dalam sudut perundangan menjadi tidak tertumpu dan tidak kompeten. Ketidakselarasan ini menyebabkan para peguam tidak mudah untuk memohon tauliah di negeri lain memandangkan tiada pendedahan awal yang dibuat berkaitan sistem peperiksaan di setiap negeri. Tambahan lagi, sistem pengendorsan tauliah juga di setiap negeri dimana terdapat negeri yang membenarkan peguam Syarie yang sudah mempunyai tauliah di satu negeri sekadar membuat tampalan permohonan diterima masuk sebagai peguam Syarie bagi negeri yang ingin dipohon dan diendorse di negeri tersebut. Namun, terdapat juga negeri di mana peguam Syarie perlu menduduki peperiksaan dan temu duga semula biarpun mempunyai tauliah di satu negeri. Hal yang demikian menyebabkan berlaku peningkatan kos bagi permohonan tauliah bagi negeri-negeri. Justeru, sistem ini seharusnya dikaji semula bagi mengurangkan kos permohonan tauliah dan memberi ruang untuk peguam Syarie beramal di negeri yang lain.

Penutup

Tuntasnya, isu ketidakseragaman syarat kelayakan penerimaan masuk peguam Syarie di Malaysia memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Walaupun bidang kuasa undang-undang syariah di Malaysia adalah di bawah negeri-negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, perbezaan syarat antara negeri-negeri telah mewujudkan cabaran besar kepada perkembangan profesion peguam syarie dan pelaksanaan keadilan syariah secara menyeluruh. Perbezaan ini melibatkan aspek kelayakan akademik, pengalaman praktikal, ujian kemasukan, dan syarat pendaftaran, yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada bakal peguam syarie serta menghadkan kebolehan mereka untuk berkhidmat di negeri-negeri lain.

Ketiadaan standard yang seragam dalam penerimaan masuk peguam Syarie juga boleh memberi kesan kepada keberkesanan sistem perundangan syariah. Hal ini bukan sahaja mempengaruhi tahap profesionalisme dan kecekapan peguam syarie, tetapi juga boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap sistem perundangan syariah. Perbezaan yang ketara dalam syarat kelayakan antara negeri-negeri menimbulkan persepsi bahawa tahap kualiti dan kredibiliti peguam Syarie mungkin berbeza-beza, seterusnya mencabar keseragaman dan keadilan dalam pelaksanaan undang-undang syariah di peringkat nasional.

Walaupun cabaran ini wujud, ia harus dilihat dalam konteks perlunya menghormati autonomi negeri dalam hal ehwal agama Islam. Namun, satu pendekatan yang seimbang perlu dirangka, iaitu yang dapat mengekalkan hak negeri sambil memastikan wujudnya standard minimum yang dipersetujui bersama di seluruh negara. Pendekatan ini penting untuk menjamin keberkesanan sistem keadilan syariah, di samping memupuk keyakinan masyarakat terhadap keadilan yang dilaksanakan.

Oleh itu, kerjasama antara kerajaan negeri, institusi perundangan, dan pihak berkepentingan amat diperlukan. Penubuhan satu badan atau jawatankuasa pusat yang bertanggungjawab menyelaraskan syarat kelayakan penerimaan masuk peguam syarie boleh menjadi langkah positif ke arah standardisasi. Cadangan ini perlu mengambil kira pandangan semua pihak termasuk negeri-negeri, institusi akademik, dan peguam syarie, supaya penyelarasan yang dicapai tidak bercanggah dengan keperluan dan keunikan setiap negeri. Secara keseluruhannya, isu ketidakseragaman ini bukan sahaja cabaran tetapi juga peluang untuk memperkukuh sistem perundangan syariah di Malaysia. Dengan komitmen dan

kerjasama bersepadu, Malaysia mampu membentuk sistem keadilan syariah yang lebih seragam, efisien, dan progresif. Langkah ke arah standardisasi ini bukan sahaja akan meningkatkan profesionalisme dan kredibiliti peguam syarie, tetapi juga memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap sistem perundangan Islam di negara ini. Ke arah itu, usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan demi memastikan matlamat memartabatkan undang-undang syariah dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah Persekutuan) 2019.
 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166].
 Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.
 Hasan, Z., & Hashim, H. (2017). Ke arah penubuhan badan peguam syarie Malaysia. Retrieved June 5, 2024, from <https://zulkiflihasan.com/wp-content/uploads/2008/05/KE-ARAH-PENUBUHAN-BADAN-PEGUAM-SYARIE.pdf>
 Ibrahim, Z., & Yusoff, N. (2020). Kompetensi peguam syarie: Analisis perbezaan antara negeri. *Jurnal Syariah*, 28(3), 45–60.
 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Kelantan) 2000.
 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008.
 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Sabah) 2021.
 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
 Mohamad Dahalan, H., Mohiddin, M. N., Abd Rahman, M. R., & Dahlan, N. K. (2019). Peguam Syarie di Malaysia: Analisis perkembangan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat (JUUM)*, 25, 26.
 Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pahang) 1995.
 Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022.
 Perlembagaan Persekutuan 1957.
 Rahman, H. (2018). Ketidaksamarataan peluang dalam bidang guaman syariah. *Malaysian Law Journal*, 2(4), 78–89.
 Ramah v Laton (1927) 6 FMSLR 128.
 Yahya, N. F., Dahalan, H. M., Md Abdul Salam, N. Z., & Yahya, M. A. (2024). Analisis syarat kelayakan peguam syarie menurut Islam dan perundangan di Malaysia. *UKM Journal Article Repository*, Article 103. <https://journalarticle.ukm.my/16250/1/Analisis%20Syarat%20Kelayakan%20Peguam%20Syarie%20Menurut%20Islam%20Dan%20Perundangan%20Di%20Malaysia.pdf>
 Yusoff, N., & Rahman, H. (2021). Cabaran mobiliti peguam syarie di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Legal Studies*, 12(4), 55–70.